

4 jenis demam denggi dikenal pasti

Georgetown: Kementerian Kesihatan mengenal pasti penyebaran empat jenis demam denggi, selain faktor demografi dan kegagalan pesakit mengesan simptom awal sebagai punca utama penularan wabak denggi di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata pada tahun ini, pihaknya mengesan jenis baharu denggi iaitu Den1, yang virusnya berbeza berbanding Den2 yang menular tahun lalu.

Katanya, pesakit yang menerima rawatan denggi Den2 boleh dijangkiti denggi jenis Den1, Den3 atau Den4 berikutan vaksin yang diterima tidak meliputi keseluruhan jenis wabak demam denggi.

Kepadatan penduduk

“Faktor kepadatan penduduk juga menyebabkan wabak itu mudah tersebar, selain ada pesakit yang gagal mengenal pasti simptom demam,” katanya selepas merasmikan Persidangan Penyelidikan Klinikal An-



Dr Subramaniam (kanan) diiringi Pengarah Pusat Penyelidikan Klinikal Network, Dr Goh Pik Pin (dua dari kanan) beramah mesra dengan peserta **Persidangan Penyelidikan Klinikal Antarabangsa** di Pulau Pinang, semalam.

[FOTO RAMDZAN MASIAM/BH]

tarabangsa, di sini, semalam.

Sejak Januari hingga 26 Mei lalu, negara mencatat 45,822 kes demam denggi membabitkan 113 kematian.

Menyentuh isu berkaitan, Dr Subramaniam berkata, Kementerian Kesihatan belum berse-

dia memberi vaksin denggi dalam skala besar kepada penduduk negara ini kerana ia masih perlu melalui beberapa peringkat ujian klinikal.

Katanya, kajian mengenai vaksin yang dijalankan dengan kerjasama sebuah sya-

rikat swasta dari Jepun itu sepatutnya dikeluarkan Jun ini.

“Kita ada terima data ujian percubaan vaksin itu baru-baru ini tetapi masih ada beberapa isu yang perlu diselesaikan dan ia dijangka mengambil masa,” katanya.

Buat saringan sakit kusta

Sementara itu, Dr Subramaniam menegaskan kerajaan tidak berhasrat membuka semula pusat penempatan pesakit kusta di Pulau Jerjak walaupun berlaku peningkatan kes berkenaan.

“Kebimbangan utama kita adalah pendatang asing tanpa izin yang menghidap penyakit ini.

“Kami sudah mengarahkan pelancong untuk membuat saringan bagi penyakit ini di negara masing-masing sebelum masuk ke Malaysia.

“Saya berharap Kementerian Dalam Negeri dapat menghalang pelancong yang menghidap kusta daripada memasuki negara ini,” katanya.